

PENTAKSIRAN AKHIR TAHUN EKSTRA

KERTAS 1 (1103/1)

Skor

/100

1. Kertas soalan ini mengandungi **dua bahagian: Bahagian A dan Bahagian B.**
2. Jawab soalan dalam **Bahagian A** dan **satu soalan** daripada **Bahagian B.**

Dua jam

Bahagian A

[30 markah]

Soalan ini **mesti** dijawab.

Grafik di bawah ini menunjukkan maklumat berkaitan dengan jenayah dalam kalangan remaja. Berdasarkan maklumat tersebut, huraikan pendapat anda tentang **jenayah dalam kalangan remaja**. Panjangnya huraian anda hendaklah **antara 150 hingga 200 patah perkataan**.

MyMetro

Keluarga berperanan bendung jenayah dalam kalangan remaja

Oleh Muhammad Zafri rencana@mediaprima.com.my

Sumber: MyMetro, 27 Julai 2015

Menurut Akta Kanak-Kanak 2001, remaja yang telah melakukan jenayah akan dihantar ke pusat pemulihan akhlak. Hal ini diputuskan oleh pihak mahkamah.

Sumber: <http://www.myhealth.gov.my/jenayah-remaja/>

Pengaruh ICT punca remaja 12 tahun terbabit jenayah

Oleh Mohd Zulkifli Zainuddin – 31 Januari 2016 @ 12:54pm
bhkb@bh.com.my



Sumber: Berita Harian Online, 31 Januari 2016

Bahagian B

[70 markah]

Bahagian ini mengandungi empat soalan. Jawab satu soalan.

Tulis sebuah karangan yang panjangnya antara 350 hingga 500 patah perkataan.

1. Pembukaan semula sekolah di seluruh negara mulai esok selepas ditutup bagi tempoh yang agak lama akan mewujudkan persekitaran yang selamat dan sekali gus mampu mengembalikan semangat murid. Setiausaha Agung Kesatuan Perkhidmatan Perguruan Kebangsaan Malaysia (NUTP), Wang Heng Suan berkata, sejajar dengan dokumen Garis Panduan Pengurusan dan Pengoperasian Sekolah 3.0, fokus utama mereka adalah untuk memastikan kebersihan di sekitar kawasan sekolah. "Antaranya, permukaan yang sering disentuh perlu sentiasa disanitasi, laluan murid, waktu rehat, dan beberapa ciri keselamatan lagi selain rutin harian, iaitu saringan suhu murid, memastikan murid memakai pelitup muka, dan penjarakan fizikal seperti ketetapan KPM," katanya kepada Bernama. Beliau juga turut berkata, NUTP yakin pembukaan sekolah secara berperingkat ialah sebahagian cara KPM mengenal pasti situasi dan keadaan untuk mengawal penularan COVID-19.

Dipetik dan diubah suai daripada
'Pembukaan Sekolah Selamat, Ibu Bapa Tidak Perlu Bimbang'
Berita Harian Online, Oktober 2021

Huraikan tindakan-tindakan yang seharusnya dilakukan oleh sesebuah sekolah untuk mewujudkan persekitaran yang selamat bagi murid-murid.

2. Kesempitan hidup selain tidak dapat melanjutkan pelajaran ke universiti menyebabkan remaja yang bernama Sina Abdul Wahad, 17 tahun, terpaksa berebut untuk menyertai kelas bengkel jahitan bersama-sama puluhan wanita lain. "Kemiskinan menyebabkan kami bercita-cita menjadi tukang jahit sekali gus mampu menjanakan pendapatan dan mengubah kehidupan. Saya berharap agar kaum wanita diberi keutamaan dalam pendidikan. Perlu ada peluang untuk wanita memajukan diri dan keluar untuk mencapai cita-cita dalam pelbagai profesion," katanya ketika ditemui semalam.

Dipetik dan diubah suai daripada
'Gagal ke Universiti, Banyak Gadis Terpaksa Menjadi Tukang Jahit,
oleh Mohd Jamilul Anbia Md Denin,
MetroTv, 19 November 2021

Sebagai respons terhadap petikan akhbar di atas, jelaskan usaha-usaha yang ingin anda lihat daripada keluarga anda dalam proses membimbing anda untuk mencapai cita-cita yang diingini.

3. Tonggak 12 diilhamkan oleh Yang Berbahagia Tan Sri Dato' Seri Ahmad Sarji bin Abdul Hamid, Ketua Setiausaha Negara yang disampaikan dalam ucapan perasmian bersempena dengan Seminar Nilai dan Etika pada 2 Mac 1992. Sejak itu, Tonggak 12 telah menjadi dasar dan pegangan para penjawat awam. Antaranya ialah Menghargai Masa, Ketekunan Membawa Kejayaan, Kemuliaan, Kesederhanaan, Ketinggian Peribadi, Pengaruh Teladan, dan sebagainya. Dengan berpegang teguh pada Tonggak 12 ini sememangnya sikap integriti pasti akan dapat dipupuk dan seseorang penjawat awam juga akan mampu mengelakkan diri daripada terjebak dalam isu yang berkaitan dengan kronisme, nepotisme, dan juga kleptokrasi.

Dipetik dan diubah suai daripada
'Buku Teks Bahasa Melayu Tingkatan 5',
Kementerian Pendidikan Malaysia, 2020

Selaku wartawan untuk sebuah majalah tempatan, tuliskan satu teks wawancara anda bersama seorang tokoh negara yang terkemuka tentang isu integriti serta cara-cara untuk mengatasi masalah yang berkaitan dengan isu tersebut.

4. "Kau tahu, Ratna. Umi pernah berkecil hati denganku kerana aku memilih kelas sastera apabila masuk ke tingkatan enam. Hanya sekali itu aku berkeras dengannya. Hampir seminggu dia bersikap dingin kepadaku. Haruskah aku berkeras sekali lagi, Ratna?" Ratna menongkatkan kedua-dua tangannya ke dagu. Dia menyedari betapa sulitnya kemelut yang melanda jiwa sahabat baiknya itu kini. Terjepit antara keinginan diri dengan penghormatan yang tinggi terhadap Uminya (ibunya).

Dipetik dan diubah suai daripada novel
Silir Daksina,
oleh Nizar Parman,
Utusan Publications and Distributors Sdn. Bhd. Cetakan Pertama: 2015

Berdasarkan situasi dalam petikan di atas, huraikan langkah-langkah yang akan anda lakukan sekiranya anda menghadapi masalah yang sama untuk meyakinkan orang tua anda bahawa cita-cita yang anda ingini ialah kerjaya yang paling tepat bagi diri anda.



Skor

/100

KERTAS 2 (1103/2)

1. Kertas soalan ini mengandungi **tiga** bahagian: **Bahagian A, Bahagian B, dan Bahagian C.**
2. Jawab **semua** soalan.

Dua jam tiga puluh minit

BAHAGIAN A: SISTEM DAN APLIKASI BAHASA

[35 markah]

1. Baca petikan di bawah ini dengan telitinya. Kenal pasti dan senaraikan **dua kata kerja pasif**. Kemudian, bina **satu ayat anda sendiri** daripada setiap **kata kerja pasif** tersebut untuk menunjukkan bahawa anda faham akan maksud dan penggunaannya. Anda tidak boleh menggunakan perkataan itu sebagai peribahasa atau nama khas.

Hutan paya bakau memainkan peranan yang penting untuk melestarikan alam sekitar. Selain mengawal hakisan pantai, hutan paya bakau juga menjadi habitat pelbagai hidupan akuatik seperti ikan, udang, ketam, dan sotong. Bukan itu sahaja, kayu bakau dari hutan ini digunakan untuk menghasilkan arang. Kayu bakau yang sesuai untuk dijadikan arang ialah kayu bakau kurap dan kayu bakau minyak. Sebenarnya, arang kayu bakau yang dihasilkan di Kuala Sepetang mempunyai kualiti antara yang terbaik di dunia dan dieksport ke negara Jepun, Arab Saudi, dan Korea.

Dipetik dan diubah suai daripada
'Buku Teks Bahasa Melayu Tingkatan 4', Halaman 60,
Kementerian Pendidikan Malaysia

[4 markah]

2. Baca petikan di bawah ini dengan telitinya. Kemudian, kenal pasti dan tulis subjek dan predikat yang lengkap bagi **tiga ayat** yang anda pilih seperti yang berikut:

Subjek: _____

Predikat: _____

Masyarakat pada era modenisasi ini perlu bersedia untuk mendepani pelbagai perubahan yang disebabkan oleh Revolusi Industri 4.0. Revolusi Industri 4.0 ditandai dengan kemunculan superkomputer, robot pintar, kenderaan tanpa pengemudi, dan lain-lain yang akan memudahkan kehidupan manusia. Segala urusan harian seperti mencuci baju, memberikan makanan kepada haiwan, dan mematikan alat pendingin hawa dapat dilakukan dengan menekan butang pada telefon pintar masing-masing. Dengan mengadaptasi perubahan tersebut, taraf hidup masyarakat sudah tentu dapat ditingkatkan.

Dipetik dan diubah suai daripada
'Buku Teks Bahasa Melayu Tingkatan 4', Halaman 66,
Kementerian Pendidikan Malaysia, *Dewan Masyarakat*, Jun 2023

[6 markah]



3. Bahan di bawah ini mengandungi **pelbagai kesalahan bahasa**. Kenal pasti, senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan tersebut. Anda perlu menulis kesalahan-kesalahan yang dikenal pasti dan membuat pembetulannya. Anda tidak perlu menyalin bahan tersebut.

Resepi Laksa Sarawak (3 – 4 orang)



Cara persediaan:

1. Masuki air dalam periuk.
2. Tambahkan pes laksa, santan, kiub ayam, dan serbuk kari dalam air.
3. Tunggu sehingga kuah menjerang.
4. Setelah siap, tapis kuah tersebut.
5. Jika sekiranya diperlukan, tambahkan garam yang secukupnya mengikut citarasa anda.

Bahan-bahan

Kuah laksa:

- 1 pes Laksa Sarawak
- 2 kotak kecil santan/ 2 paket santan serbuk
- 1 kiub ayam
- 1 peket kecil serbuk kari (wajib)
- 1 litre air
- Garam secukup perasa

Hidangan:

1. Beehoon
2. Dada ayam yang direbus dan dilarik
3. Udang dicelur sahaja
4. Tauge dicelur sahaja
5. Telur (rebus/ goreng telur dadar dan hiris)
6. Daun ketumbar (hiris halus)
7. Cili padi/ hijau (hiris)
8. Sambal belacan
9. Limau kasturi

[13 markah]

4. Baca petikan bahasa Melayu klasik di bawah ini dengan telitinya. Kemudian, tulis semula petikan tersebut dalam **bahasa Melayu standard** tanpa mengubah struktur dan maksud asalnya.

Syahadan, maka kedengaran di Melaka bahawa Cau Pandan sudah mati, sakitnya muntahkan darah, dadanya seperti kena panah. Telah Sultan Muzaffar Syah mendengar khabar itu, maka titah baginda, "Sungguhlah Tuan Sidi Arab ini hamba Allah keramat."

Maka beberapa puji baginda akan Tuan Sidi Arab itu dan dianugerahi baginda dengan seperti nya.

Dipetik daripada 'Burung Terbang Dipipiskan Lada' dalam antologi *Sejadah Rindu*,
Kementerian Pendidikan Malaysia

[6 markah]

5. Baca petikan di bawah dengan telitinya. Kenal pasti dan **senaraikan** peribahasa yang terdapat dalam petikan tersebut. Kemudian, berikan **maksud** peribahasa tersebut.

Encik Azman: Mentadbir dan mengurus sebuah sekolah yang besar bukanlah satu perkara yang senang kerana kita sentiasa berurusan dan berjumpa dengan pelbagai orang. Banyak udang banyak garam, banyak orang banyak ragamnya.

Encik Yusoff: Betul. Bukan setakat itu sahaja, kita juga harus memastikan bahawa kita tidak bersifat pilih kasih kerana situasi ini akan menyebabkan ketidakpuasan hati dalam kalangan orang bawahan nanti. Bersikap seperti menarik rambut dalam tepung juga amat penting supaya tidak akan menimbulkan perselisihan faham yang berpanjangan.

Encik Azman: Selain itu, amalan tumbuk rusuk juga seharusnya dielakkan kerana sekiranya perkara ini berlaku, pasti orang ramai akan kehilangan kepercayaan terhadap kita.

[6 markah]

BAHAGIAN B : PEMAHAMAN

[35 markah]

6. Baca **Bahan 1** dan **Bahan 2** yang diberikan dengan telitinya. Kemudian, jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Bahan 1

Kebanyakan murid meminati mata pelajaran Sains kerana berpeluang untuk membuat pelbagai eksperimen di makmal sains. Oleh hal yang demikian, aspek keselamatan di makmal sains tidak boleh *dipandang enteng* sama sekali. Hal ini bertujuan untuk mengelakkan sebarang kemalangan yang tidak diingini kerana malang tidak berbau. Antara kemalangan yang mungkin berlaku di makmal sains termasuklah kebakaran, letupan, kebocoran gas, tumpahan bahan kimia, dan lain-lain.

Untuk memastikan kemalangan tidak berlaku di makmal sains, guru Sains memainkan peranan yang amat penting sekali. Guru Sains seharusnya memberikan taklimat ringkas kepada murid-murid tentang peraturan yang mesti dipatuhi ketika mereka berada di makmal sains. Dalam hal ini, murid-murid mestilah membuka semua tingkap dan pintu makmal sains serta menunggu arahan guru sebelum memulakan eksperimen.


Semasa melakukan eksperimen, murid-murid tidak boleh mengambil peralatan atau bahan-bahan kimia yang lain selain yang telah disediakan oleh guru Sains. Sebelum meninggalkan makmal sains, murid-murid perlu menutup semua suis lampu dan kipas.

Sumber: Kementerian Pendidikan Malaysia

Bahan 2

Peraturan Bengkel Reka Bentuk dan Teknologi (RBT)

- ✓ Jangan masuk ke bengkel tanpa kebenaran guru.
- ✓ Buka semua tingkap dan pintu untuk mendapatkan pengudaraan yang baik.
- ✓ Gunakanlah peralatan dengan cermatnya untuk mengelakkan kecederaan.
- ✓ Tunggu arahan guru sebelum memulakan kerja-kerja pertukangan.
- ✓ Laporkan sebarang kemalangan kepada guru dengan serta-merta.
- ✓ Simpan semua peralatan di tempat asal selepas menggunakannya.
- ✓ Tutup suis kipas dan lampu sebelum meninggalkan bengkel.



Sumber: Kementerian Pendidikan Malaysia

- (i) Berdasarkan **Bahan 1**, berikan maksud *dipandang enteng*. [2 markah]
- (ii) Dengan merujuk **Bahan 1** dan **Bahan 2**, nyatakan persamaan peraturan yang mesti dipatuhi oleh murid-murid ketika berada di makmal sains dan di bengkel RBT. [3 markah]
- (iii) Kemalangan di tempat kerja sentiasa berlaku sehingga mendatangkan pelbagai kesan kepada pekerja dan majikan.
Pada pendapat anda, apakah punca-punca berlakunya kemalangan di sesuatu tempat kerja? [3 markah]
- (iv) Semasa melakukan eksperimen di makmal sains, anda mendapati bahawa seorang rakan sekelas anda telah mengambil sebotol bahan kimia yang disimpan di dalam almari tanpa pengetahuan guru walaupun bahan kimia tersebut tidak digunakan dalam eksperimen yang sedang dijalankan.
Sebagai murid yang bertanggungjawab, apakah yang akan anda lakukan untuk memastikan rakan sekelas anda tidak menyalahgunakan bahan kimia tersebut? [4 markah]

7. Baca bahan-bahan di bawah ini dengan telitinya. Kemudian, jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Bahan 1

Dol Said menasihati para pemuda supaya tidak membelakangkan sejarah yang menjadi tunjang keagungan bangsa. Dia juga meminta bangsa Malaysia bersatu padu dan berdiri teguh di bawah pimpinan para pemimpin semasa. Haikal menyanjungi sumbangan Dol Said dan turut menghayati perjuangan pemimpin-pemimpin negara yang terpaksa mengharungi pelbagai liku dan cabaran dalam tugas mereka demi menjaga keamanan negara dan ketenteraman bangsa Malaysia. Dol Said berasa bangga dengan pengorbanan, keberanian, dan semangat setia kawan yang dimiliki oleh Haikal dan rakan-rakannya. Dol Said pasti kecekalan dan semangat kekitaan yang dimiliki oleh anak muda negara akan terus kekal utuh dan menjadi benteng untuk membanteras hasrat negatif pengkhianat negara. Dol Said yakin misinya telah selesai dengan jayanya. Roh Dol Said meninggalkan Haikal buat selama-lamanya dengan senyuman puas dan gembira.

Dipetik dan diubah suai daripada 'Prof. Dol',
oleh Nur Hamisha Mohamed Bakarudeen,
Dewan Siswa, April 2021

Bahan 2

Generasiku tercinta
kalian ialah *kelompok bertuah*
yang sempat berteduh di langit alaf baru
dengan keberanian sebagai bangsa bermaruah
di tanah merdeka milik abadi kita.

Generasiku yang bijak bestari
ini bumi suci perjuangan nenek moyang
yang bersumpah setia memartabatkan bangsa
mendaulatkan tanah air, mencipta kebebasan
membina istana merdeka yang kalian diami.
Penutup warkah ini
ingin kuingatkan: jangan biarkan akar sejarah
tercabut dari bumi bertuah ini.

Sumber: <http://cikguazharrodzi.blogspot.com/2011/03/warkah-kepada-generasi-sajak-komsas.html>

- (i) Berdasarkan **Bahan 2**, berikan maksud rangkai kata *kelompok bertuah*.

[2 markah]

- (ii) Nyatakan **dua** persamaan yang terdapat dalam **Bahan 1** dan **Bahan 2**.

[3 markah]

(iii) Sejarah ialah kunci kepada jati diri kita.

Apakah pendapat anda tentang pernyataan tersebut?

[3 markah]

(iv) Rakan baik anda menganggap mata pelajaran Sejarah ialah mata pelajaran yang amat sukar untuk difahami dan membosankan. Tanggapan ini menyebabkan dia sering mendapat markah yang kurang memuaskan dalam subjek tersebut.

Bagaimanakah anda dapat mengubah persepsi rakan anda tersebut?

[4 markah]

8. Jawapan bagi soalan yang berikut hendaklah berdasarkan teks novel Tingkatan 4.

(i) Baca petikan novel di bawah ini dengan telitinya. Kemudian, jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Sejurus, setelah dia mengumpulkan seluruh tenaga luaran dan dalamannya, dengan langkah kakinya yang gontai, Felicia melangkah masuk ke dalam wad Super VIP bak kamar hotel lima bintang yang sejuk oleh pendingin hawa itu. Dengan pandangan yang agak kabur, digerakkan bola matanya ke arah TV LED yang dihubungkan dengan parabola, telefon dail terus di atas meja di sisi katil, almari pakaian yang diperbuat daripada kayu nyatuh dan meja tulis di penjuru wad. Ruang di sebelahnya, yang hanya dipisahkan oleh sekat pemisah berupa tirai yang bermotifkan bunga halus, kelihatan salah seorang saudara lelaki kepada pesakit di bawah jagaannya menjenguk ke arahnya. Lelaki itu memerhatikannya tanpa senyum.

Dipetik dan diubah suai daripada novel *Pantai Kasih*, karya Azmah Nordin,
Kementerian Pendidikan Malaysia

Senaraikan kemudahan yang dapat dinikmati oleh para penghuni di wad Super VIP tersebut.

[4 markah]

(ii) Jawab soalan di bawah ini berdasarkan novel-novel yang berikut:

- (a) Leftenan Adnan Wira Bangsa karya Abdul Latip Talib
- (b) Di Sebalik Dinara karya Dayang Noor
- (c) Jendela Menghadap Jalan karya Ruhaini Matdarin
- (d) Pantai Kasih karya Azmah Nordin

Berdasarkan **sebuah** novel yang anda pelajari, huraikan peristiwa yang menimbulkan kesayuan dalam hati pembaca.

[6 markah]

BAHAGIAN C : RUMUSAN

[30 markah]

9. Baca dan teliti **setiap bahan** yang diberikan, kemudian buat satu **rumusan** yang panjangnya **tidak melebihi 120 patah perkataan**. Anda digalakkan supaya menggunakan ayat anda sendiri tanpa mengubah maksud asal bahan.

Bahan 1

Negara Malaysia ialah sebuah negara yang bertuah kerana terletak berhampiran dengan garisan Khatulistiwa. Oleh sebab itulah negara Malaysia mengalami iklim khatulistiwa yang panas dan lembap sepanjang tahun. Min suhu tahunan yang tinggi, iaitu 27°C dan hujan tahunan kira-kira 2600 milimeter sememangnya menggalakkan pertumbuhan pelbagai jenis hutan di negara kita. Antaranya termasuklah hutan hujan tropika, hutan gunung, hutan paya air masin, hutan paya air tawar, dan hutan pantai.

Hutan yang tumbuh subur di bumi yang bertuah ini merupakan habitat pelbagai spesies flora dan fauna. Hal ini dikatakan demikian kerana haiwan dan tumbuh-tumbuhan bergantung pada hutan untuk mendapatkan sumber makanan dan tempat perlindungan. Sekiranya hutan dimusnahkan oleh manusia yang tamak haloba, flora dan fauna yang berharga akan mengalami kepupusan. Selain itu, hutan membekalkan pelbagai sumber bahan mentah kepada manusia seperti sumber kayu balak, buluh, rotan, dan sebagainya. Hasil eksport hasil hutan dapat meningkatkan sumber pendapatan negara sekali gus memangkinkan pertumbuhan ekonomi. Namun begitu, hasil hutan semakin berkurang akibat penerokaan hutan tanpa kawalan.

Perubatan tradisional terbukti dapat mengubati pelbagai penyakit kronik. Tahukah anda bahawa tumbuh-tumbuhan yang terdapat di hutan boleh digunakan dalam perubatan tradisional? Misalnya, sembung, senduduk, dan pegaga mempunyai nilai perubatan. Malangnya, sumber perubatan yang berharga ini semakin sukar ditemukan gara-gara penyahhutan untuk tujuan pembangunan. Oleh hal yang demikian, hutan mestilah dipelihara sepanjang masa sebelum kudis menjadi tokak.

Dalam usaha memelihara hutan, pihak kerajaan telah menguatkuasakan undang-undang. Sesiapa yang didapati membinasakan hutan dengan sewenang-wenangnya akan dijatuhkan hukuman yang berat agar pisang tidak berbuah dua kali. Bukan itu sahaja, pihak kerajaan juga telah mewartakan hutan simpan dan taman negara agar biodiversiti dapat dikekalkan. Pihak media pula mengadakan kempen kesedaran secara berterusan. Hal ini bertujuan untuk menimbulkan kesedaran dalam kalangan masyarakat tentang peri pentingnya pemeliharaan dan pemuliharaan hutan.

Dipetik dan diubah suai daripada
'Tumbuh-tumbuhan Semula Jadi di Malaysia',
Buku Teks Geografi Tingkatan 3,
Kementerian Pendidikan Malaysia



Bahan 2

Kesan-kesan Pemusnahan Hutan



Pemanasan global



Tanah runtuh



Banjir

Bahan 3

Sajak Hutan

Hutan,
engkaulah ciptaan Yang Esa,
melengkapi kehidupan manusia,
tapi lihatlah keadaan semasa,
engkau dirobek-robek manusia celaka.

Hutan,
manusia tidak mengerti,
hadirnya engkau begitu bererti,
menyeimbangkan udara sana sini,
menadah air hujan bersih dan suci,
namun, engkau dihukum gantung sampai mati.

Hutan,
manusia rakus tidak mempeduli,
asal poket sudah dipenuhi,
habitat flora fauna sentiasa dicuri,
kononnya demi sesuap nasi.

Hutan,
engkau tetap setia berbakti,
walau dihina serta dicaci,
tidak diminta disanjung tinggi,
oleh manusia yang mementingkan diri.

SHUIT SIEW CHOONG,
Seri Kembangan, 2021